

# Tiada unsur diskriminasi

Warganegara India yang tiba di KLIA bukan mahu melancong, ada niat kerja secara tidak sah

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA  
SEPANG

**J**abatan Imigresen Malaysia (JIM) menegaskan bahawa tiada unsur diskriminasi terhadap warganegara India yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) seperti tular di media sosial sejak Khamis lalu.

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, Datuk Seri Khairul Dzai mee Daud menjelaskan bahawa penahanan dibuat disebabkan beberapa kes atau kejadian yang meragukan.

"Dalam kes warganegara India ini, mereka sembunyi dalam bilik air dan juga duduk di tempat-tempat

awam.

"Kenapa mereka tidak datang ke kaunter imigresen untuk meneruskan perjalanan? Jadi, ini menimbulkan syak wasangka."

"Oleh kerana selepas pesawat berkenaan mendarat dan mereka tidak datang ke kaunter, pegawai penguat kuasa akan pergi mendapatkan mereka. Apabila dijumpai, mereka akan dibawa ke pejabat operasi untuk disiasat," katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Isnin.

Berdasarkan siasatan dilakukan ke atas warganegara asing tersebut, Khairul Dzai mee berkata, mereka datang ke Malaysia bukan untuk melancong, sebaliknya mempunyai niat untuk bekerja secara tidak sah.

"Mereka sendiri pun sebenarnya mengaku datang bukan untuk melancong, tetapi untuk mencari peluang bekerja. Ini telah melanggar syarat-syarat kemasukan pas lawatan sosial di negara ini," jelas beliau.



KHAIRUL DZAI MEE

Sebelum ini, tular video seorang wanita mendakwa pelancong India yang tiba di negara ini terpaksa menunggu lama untuk urusan imigresen di KLIA walaupun kesemua mereka mempunyai dokumen perjalanan sah.

Wanita tersebut turut mendakwa pelancong terbabit dipaksa duduk di atas lantai.

Dalam pada itu, Khairul Dzai mee berkata, imigresen akan memperluaskan sistem penggunaan pagar automatik (*autogate*) di KLIA kepada warga asing yang mempunyai pas lawatan jangka masa panjang.

"Dalam masa mungkin sebulan lagi semua warganegara asing yang memegang pas jangka masa panjang di Malaysia sama ada masih belajar, bekerja atau berkahwin dengan rakyat tempatan, dijangka boleh menggunakan sistem *autogate* di mana sekarang ini digunakan oleh warganegara Malaysia," katanya.

## 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG ISNN

- 1 TIADA KEJADIAN PERGADUHAN KAUM DI SUNGAI PETANI
- 2 PENGAWAL KESELAMATAN PARAH DITETAK MENINGGAL DUNIA
- 3 GULA-GULA BERGELATIN BABI TULAR SEMULA
- 4 TUJUH HILANG DITEMUI SELAMAT
- 5 AWAL-AWAL UNITED DAH 'TERCIDUK'
- 6 [VIDEO] KAPAL LCS PERTAMA DIJANGKA SIAP DALAM TEMPOH DUA TAHUN
- 7 BNM DIJANGKA NAIKKAN OPR PADA 7 SEPTEMBER
- 8 "AYAH PESAN SUPAYA TIDAK TINGGALKANNYA"
- 9 CIKGU PULA YANG TAKUT MURID SEKARANG
- 10 'MALAYSIA PERLUKAN JET PEJUANG'

## Sekatan ke luar negara bukan nafikan hak bergerak - LHDN

**SHAH ALAM** - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menjelaskan tindakan sekatan perjalanan ke luar negara terhadap mana-mana pihak yang tidak menjelaskan tunggakan cukai bukan bertujuan menafikan hak mereka untuk bergerak.

LHDN dalam satu kenyataan berkata, tindakan tersebut dilaksanakan sebagai salah satu medium memberikan keadilan kepada pembayar cukai yang patuh sekali gus memastikan tiada ketirisan hasil negara.

"Ia juga sebagai langkah melahirkan komuniti pembayar cukai patuh dan bertanggungjawab yang berkongsi kemakmuran mereka dalam usaha bersama-sama membangunkan negara," kata LHDN dalam kenyataan pada Isnin.

LHDN memaklumkan, sekiranya sekatan tersebut dilihat dari sudut negatif ia akan mengundang pelbagai reaksi termasuklah menganggapnya sebagai salah satu pencabulan hak untuk bergerak bebas seperti diperuntukkan dalam Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan.

"Namun kita perlu melihat penguatkuasaan sekatan perjalanan ini dari sudut positif. Sekatan perjalanan ini dikuatkuasakan bagi meng-

**MyTax**

- WEB RESPONSI DAN APLIKASI MOBILE
- DASHBOARD RINGKAS & PADAT
- INFORMASI SETEMPAK DI DALAM 'My Inbox' PEMBAYER CUKAI
- MENARIK DAN INOVATIF
- HUB APLIKASI MOBILE BAGI SEMUA APLIKASI DI LHDN
- SINGLE SIGN-ON UNTUK SEMUA PERKHIDMATAN
- INFORMASI INTERAKTIF YANG MUDAH DIFAHAMI
- GET IT ON Google Play Available on the App Store EXPLORE IT!

<https://mytax.hasil.gov.my>

Pembayar cukai dinasihatkan menyemak status tunggakan cukai dan sekatan perjalanan melalui portal MyTax.

halang mana-mana individu yang gagal atau culas membayar cukai kepada kerajaan dari ke luar negara.

"Adalah tidak adil jika golongan yang gagal serta culas ini diberikan hak kebebasan untuk keluar melancong ke luar negara tanpa menjelaskan dahulu cukai kepada negara. Mereka seharusnya terlebih dahulu membantu menjana pendapatan negara melalui pembayaran cukai sebelum membelanjakan selebihnya kepada negara luar," katanya.

Mengulas mengenai syarat pengenaan tindakan sekatan perjalanan, kenyataan tersebut memaklumkan sekatan boleh dikenakan terhadap pembayar yang akan meninggalkan Malaysia.

"Contoh lain pula ialah seorang pengarah syarikat berkemungkinan akan meninggalkan atau keluar dari Malaysia tanpa membayar cukai syarikat yang mana dia bertanggungjawab membayar di bawah seksyen 75A ACP 1967 atau subperenggan 5(1A) dan

5(4) Jadual 1 Akta CKHT 1976. "Ia juga terpakai kepada pembayar cukai yang telah memfailkan Borang Q dan membuat permohonan untuk semakan kehakiman kecuali dalam kes di mana perintah penangguhan prosiding telah dikeluarkan oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa

serta pembayar cukai didakwa bagi kesalahan sivil bagi tujuan kutipan cukai," kata kenyataan itu.

Jelasnya, sekatan perjalanan tidak boleh dikuatkuasakan

terhadap pembayar cukai yang telah diberi kebenaran untuk pembayaran secara ansuran dan mematuhi jadual dipersetujui.

"Bagi mengelakkan sebarang kesulitan terutamanya di lapangan terbang atau pintu ke luar negara, pembayar cukai dinasihatkan menyemak status tunggakan cukai dan sekatan perjalanan melalui portal MyTax," katanya.

Mengulas tentang langkah yang boleh diambil sekiranya dikenakan sekatan perjalanan, LHDN berkata, pembayar cukai perlu membayar sepenuhnya jumlah tunggakan cukai seperti yang dinyatakan dalam sijil secara tunai.

"Mereka dikehendaki menggunakan platform ByrHASIL atau mana-mana kaedah bayaran lain seperti dinyatakan dan mengemukakan resit pembayaran tersebut kepada cawangan LHDN yang mengendalikan fail cukai mereka untuk pembatalan tersebut.

"Sebagai makluman, resit pembayaran hendaklah dikemukakan tujuh hari sebelum tarikh perjalanan untuk mengelakkan sebarang kelewatan pemprosesan pembatalan sekatan," katanya.